

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
(BATU KAWAN)**

**TARIKH : 5 OGOS 2020**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kematian dalam lokap, penjara serta ketika dalam tahanan imigresen dan SPRM mengikut pecahan kewarganegaraan, etnik, jantina, umur dan negeri yang terkini. Apakah langkah-langkah pencegahan yang akan dan sedang diambil untuk memastikan tiada lagi kematian dalam lokap, penjara dan tahanan imigresen dan SPRM serta apakah status pemasangan litar CCTV dalam lokap, lokap mahkamah dan pintu masuk Imigresen dalam Belanjawan 2020 yang berjumlah RM73 juta serta status penggunaan kamera badan atau body camera untuk anggota penguat kuasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan kematian dalam lokap, penjara dan tahanan imigresen mengikut pecahan kewarganegaraan, etnik, jantina, umur dan negeri adalah seperti berikut:

- (i) Bagi lokap Polis Diraja Malaysia (PDRM), bermula dari Januari 2020 hingga Jun 2020, seramai tiga (3) orang tahanan telah dilaporkan mati di dalam lokap. Daripada jumlah ini, kematian melibatkan seorang lelaki Melayu di Kelantan, seorang lelaki Cina di Sarawak dan seorang warganegara Nepal di Kuala Lumpur. Langkah-langkah yang diambil pihak PDRM bagi mengelakkan kematian dalam lokap adalah dengan menyediakan SOP yang lebih ketat dalam menguruskan tahanan sakit, rondaan yang lebih kerap di sel pada waktu malam, penyediaan bilik rawatan dan pembantu perubatan dan penambahan kakitangan yang menguruskan tahanan.
- (ii) Bagi penjara, bermula dari Januari 2020 hingga Jun 2020, bilangan kematian di penjara adalah sebanyak 188 orang di mana ia melibatkan 158 warga Malaysia dan 30 warga asing. Pecahan kematian warga Malaysia adalah 109 bangsa Melayu, 25 bangsa India, 20 bangsa Cina dan 4 lain-lain bangsa. Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah langkah kawalan, pemeriksaan, pengasingan penempatan, ujian psikologi, risikan maklumat, pemantauan rapi dan kemudahan kesihatan.
- (iii) Bagi Jabatan Imigresen Malaysia, bermula dari Januari 2020 hingga Jun 2020, bilangan kematian di depoh tahanan imigresen adalah sebanyak 23 orang dengan pecahan 18 lelaki dewasa, tiga (3) perempuan dewasa dan dua (2) kanak-kanak. Daripada jumlah ini, 10 orang adalah warganegara Indonesia, dua (2) orang masing-masing daripada Bangladesh, Kemboja dan Kenya, dan seorang (1) masing-masing daripada Myanmar, Nepal, Pakistan, Vietnam dan Kanada. Daripada 23 bilangan kematian tahanan imigresen ini, lima (5)

kematian berlaku di depoh tahanan imigresen Semenyih, tiga (3) kematian berlaku di depoh tahanan imigresen Langkap, Lenggeng dan Pekan Nenas, dua (2) kematian berlaku di depoh tahanan imigresen Juru, KLIA dan Bukit Jalil, dan satu (1) kematian berlaku di depoh tahanan imigresen Ajil dan Machap Umboo. Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia adalah menerusi penempatan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di Depoh Tahanan Imigresen di seluruh negara, pengenalpastian klinik kesihatan berhampiran sebagai pusat rujukan serta pemantauan kesihatan secara berkala.

- (iv) Bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pula, tiada kematian berlaku di lokap SPRM untuk tahun 2020 setakat ini.

**Tuan Yang Dipertua,**

Status terkini perkhidmatan penyewaan sistem CCTV Lokap PDRM melalui kelulusan khas Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) ketika Pembentangan Belanjawan 2020 adalah dalam proses tender. Sebanyak 684 lokasi lokap seluruh Malaysia terlibat bagi projek ini.

PDRM juga telah memohon peruntukan sebanyak RM35 juta bagi perolehan *body worn camera* melalui RMKe-12 RP1. Status terkini adalah menunggu kelulusan Pembentangan Belanjawan 2021.